

Newspaper
Date

Berita Harian
23 February 2016



Najib diiringi Hishammuddin, Zulkifeli dan Khalid ketika meninjau Operasi Bersama ATM dan PDRM di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO YAZIT HAZALI/BH]

BH-23/2/2016

170 ancaman keselamatan negara ditahan

Kuala Lumpur: Pasukan Anti-pengganas (ES) Bukit Aman menahan lebih 170 individu, termasuk penyokong IS, sejak setahun lalu kerana disyaki menjadi ancaman kepada keselamatan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata semua me-

reka ditahan di seluruh negara selepas risikan polis mendapati mereka merancang untuk melakukan serangan di beberapa lokasi tumpuan di sekitar ibu negara, terutama Bukit Bintang.

"Sebahagian mereka dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian kumpulan peng-

ganas di negara jiran, termasuk Filipina dan Indonesia serta militan IS," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Khalid mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meninjau kawasan rondaan bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja

Malaysia (PDRM) di sekitar pusat beli-belah Pavilion, di sini.

Najib yang tiba pada jam 5.30 petang, turut diiringi Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifli Mohd Zin.

Operasi bersama PDRM dan

ATM itu adalah di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi menjaga keselamatan awam di sekitar Kuala Lumpur.

Ketibaan Najib disambut dengan gabungan pancaragam ATM dan PDRM yang dipimpin sendiri oleh Perdana Menteri, disusuli persembahan tarian singa.

Najib kemudian menikmati minum petang bersama ketua masyarakat, peniaga dan orang ramai di sebuah kafe di aras bawah pusat beli-belah Pavilion sebelum beredar pada jam 6.30 petang.

Khalid berkata, 82 orang ditahan tahun lalu, manakala 59 lagi pada tahun 2014.

Ronda kawasan tumpuan

Mengulas mengenai rondaan bersama itu, beliau berkata, seramai 340 anggota, masing-masing 170 polis dan tentera ditempatkan di lokasi tumpuan pejancong di ibu kota.

Menyentuh isu lain, Khalid kecewa dengan tindakan Australia yang mengeluarkan nasihat perjalanan kepada rakyatnya yang ingin melancong ke negara ini.

"Mereka sepatutnya memaklumkan sebarang maklumat yang diterima kepada pihak berkuasa negara ini sebelum mengeluarkan sebarang amaran yang tidak pasti.

"Saya sendiri tidak tahu apa asasnya amaran itu dikeluarkan sedangkan keadaan semasa di negara ini terkawal," katanya.